

Newspaper	Berita Harian
Date	15/3/2013

Syor larang penempatan baru di kampung air

BH - 15/3/2013

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam menyarankan supaya kerajaan tidak lagi membenarkan sebarang penempatan baru di perkampungan air bagi mengelak insiden pencerobohan pegganas di Lahad Datu, berulang.

Bekas Perdana Menteri berkata, lokasi perkampungan air berupaya mendedahkan negara kepada ancaman keselamatan kerana sukar untuk mengawal keadaan di kawasan seumpama itu.

Malah katanya, perkampungan itu juga menjadi punca pencemaran alam sekitar akibat masalah sampah dan kekotoran yang gagal diatasi penduduk kampung.

Masalah besar

"Untuk geledah kampung air adalah satu masalah besar kerana jalan sempit kita terdedah (untuk) diserang dan saya berpendapat selepas ini, kita tidak boleh lagi



**“
Ada kemungkinan puak ini walaupun kalah atau dibunuh akan mewujudkan kekacauan dengan menjadi gerila pada masa akan datang”**

Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri

nuh kejam.

Wujud kekacauan

"Ada kemungkinan puak ini walaupun kalah atau dibunuh akan mewujudkan kekacauan dengan menjadi gerila pada masa akan datang," katanya.

Mengulas dakwaan bekas Panglima Tentera Darat kononnya sejak tahun 2000, pasukan risikan tentera digunakan untuk tujuan politik hingga gagal mengenal pasti ancaman serangan terhadap Sabah, Dr Mahathir secara sinis mempertikaikannya.

"Dia kata begitu ke? Saya pun hairan juga, dia duk (duduk) buat apa, takkan pasal itu dia tak boleh buat kerja lain, nampak macam bukan panglima tentera, (tetapi) parti lawan," katanya dalam sidang media kemudian.

ada kampung air," katanya pada sesi dialog selepas menyampaikan syarahan bertajuk 'Kebolehlaksanaan Sistem Dua Parti Bagi Malaysia' anjuran Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM) di Universiti Malaya, semalam.

Mengulas mengenai insiden pencerobohan itu, Dr Mahathir berkata Malaysia harus berhati-hati menanganinya kerana sebarang tindakan, boleh membawa kesan perundangan kepada negara.

Bagaimanapun, katanya, insiden itu membuka mata orang ramai sekali gus memperkukuhkan perpaduan rakyat yang simpati terhadap anggota keselamatan yang dibu-